

Falsafah *Siriq na Passe*, Unsur Kearifan Lokal dalam Perang Makassar

The Philosophy of Siriq na Passe, a Local Wisdom Element in the Makassar War

Alwi Daud*, Mardiana Nordin & Abdullah Zakaria Ghazali

Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding Author : daeng_putera_bugis@yahoo.com

Abstrak

Artikel ini membincangkan falsafah *Siriq na Passe* iaitu bentuk pandangan hidup dalam masyarakat suku Bugis dan Makassar. Falsafah ini kemudian berkembang menjadi sebahagian daripada kearifan lokal suku Bugis dan Makassar. Sementara itu, Perang Makassar (1660-1669) adalah perang yang melibatkan antara Gowa Makassar dengan Bone yang mendapat bantuan Belanda. Walaupun terdapat kajian terdahulu yang menyentuh perihal *Siriq na Passe*, namun terdapat lompong kerana mereka lebih membincangkan berkisar aspek budaya dalam masyarakat suku Bugis dan Makassar secara umum atau terbatas kepada tokoh perseorangan iaitu Arung Palakka. Oleh itu artikel ini memberi fokus kepada dua perkara. Pertama latar belakang Perang Makassar yang melibatkan Bone dan Gowa Makassar dan kedua, punca teretusnya falsafah *Siriq na Passe* dalam Perang Makassar. Artikel ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengumpul dan merujuk sumber-sumber bertulis yang membincangkan subjek berkaitan. Secara keseluruhannya falsafah *Siriq na Passe* adalah sesuatu yang dapat dipelajari dari peristiwa Perang Makassar. Ia menjadi teras utama, jati diri serta jiwa dan semangat kedua-dua suku Bugis dan Makassar. Falsafah yang menjadi martabat kepada kedua-dua suku ini juga menjadi elemen penting dan motivasi serta dorongan untuk mereka berperang demi sebuah kebebasan. Meskipun peperangan ini menimbulkan kesan yang mendalam kepada seteru utama kerana banyak nyawa yang terkorban dan kemusnahan yang ditinggalkan, namun kajian membuktikan di sisi lainnya memunculkan nilai-nilai kearifan lokal seperti *Siriq na Passe* yang masih kekal diamalkan hingga ke hari ini.

Kata Kunci: *Siriq na Passe*; Kearifan lokal; Perang Makassar; Gowa; Bone.

Abstract

*This article discusses the philosophy of *Siriq na Passe*, a life perspective among the Bugis and Makassar society. Eventually, the philosophy has evolved and became part of the local wisdom of the Bugis and Makassar tribes. Meanwhile, the Makassar War (1660-1669) was a war between Gowa Makassar and Bone, who received the Dutch assistance. Although there are previous studies that discuss on the subject of *Siriq na Passe* but there are gaps because the discussion are more about cultural aspects in the Bugis and Makassar communities in general or limited to individual figures namely Arung Palakka. Therefore, this article focuses on two aspects. First, the background of the Makassar War between Bone and Gowa Makassar, and second, the reason that prompted the birth of the philosophy of *Siriq na Passe* in the Makassar War. In general, the philosophy of *Siriq na Passe* is a lesson learnt from the Makassar War incident. It is the main core, identity, and the soul and spirit of both the Bugis and Makassar tribes. The philosophy became the dignity of both tribes, which motivated and encouraged them to fight for the sake of freedom. The war resulted in great consequences to both parties with numerous casualties and destruction. On the other hand, it brings forth values of the local wisdom, such as *Siriq na Passe*, which continues and still practices to this day.*

Keywords: *Siriq na Passe; Local wisdom; Makassar War; Gowa; Bone.*

PENGENALAN

Setiap masyarakat mempunyai kearifan lokal yang tersendiri sekaligus menjadi identiti dan kekuatan dalam kehidupan masyarakat tersebut. Falsafah atau kepercayaan yang dipegang juga menjadi suatu benteng terhadap maruah dan wibawa masyarakat mereka. Demikianlah yang dapat diperumpamakan terhadap konsep *Siriq na passe* dalam kalangan masyarakat Bugis dan Makassar. Keseluruhan perbincangan artikel ini menjawab persoalan bagaimana suatu kepercayaan atau falsafah mereka yang juga merupakan satu unsur kearifan lokal menjadi elemen penting dalam perjuangan kedua masyarakat tersebut melalui sebuah peperangan iaitu Perang Makassar. Dalam perang ini, *Siriq na passe* menjadi faktor mencetuskan serta menguatkan semangat, faktor meneruskan perjuangan juga faktor tidak berputus asa kedua-dua suku masyarakat tersebut.

***Siriq Na Passe* dalam Kehidupan**

Siriq na Passe adalah suatu nilai dalam kehidupan yang juga merupakan suatu bentuk kearifan lokal dalam kalangan masyarakat suku Bugis dan Makassar. *Siriq* berkait rapat dengan rasa malu, harga diri dan maruah manakala *passe* (Bugis) atau *pacce* (Makassar) adalah perasaan hiba yang kemudian melahirkan solidariti, terbit dari sifat ihsan seorang insan yang melihat penderitaan insan lain khususnya dalam kelompoknya sendiri. Konsep sebegini turut dimiliki dalam beberapa masyarakat yang lain. Terdapat pelbagai istilah dalam bahasa lain tetapi pemahaman dan falsafah di dalamnya tidaklah sama sepenuhnya. Masyarakat Jawa mengistilahkan *siriq* sebagai *isin* atau *wirang*, masyarakat Bali menyebutnya sebagai *jengga*, masyarakat Sumatera sebagai *pantang*, orang Inggeris menyebutnya *shame* dan orang Belanda menggelnanya *beleideging*. Namun begitu, istilah malu atau *shame* dalam bahasa Inggeris dan istilah *beleideging* atau penghinaan dalam bahasa Belanda tersebut tidak boleh disamakan dengan *siriq* dari segi literal sahaja. Hal ini kerana terdapat falsafah yang tersendiri dalam konsep *siriq* ini. Hamid Abdullah mendefinisikan *siriq* sebagai berikut:

Dalam kehidupan masyarakat Bugis-Makassar, *siriq* merupakan unsur yang prinsipal dalam diri mereka. Tiada satu nilai pun yang paling berharga untuk dibela dan dipertahankan di muka bumi selain daripada *siriq*. Bagi masyarakat Bugis-Makassar, *siriq* adalah jiwa mereka, harga diri mereka dan martabat mereka. Sebab itu untuk menegakkan dan membela *siriq* yang dianggap tercemar atau dicemarkan oleh orang lain, maka masyarakat Bugis-Makassar akan bersedia mengorbankan apa sahaja, termasuk jiwanya yang paling berharga demi tegaknya *siriq* dalam kehidupan mereka.¹

Ulama yang tidak asing lagi, Hamka turut pernah menulis tentang *siriq* dan mengaitkannya mengikut pandangan Islam. Menurut beliau, dari sudut pandang Islam, *siriq* berkait rapat dengan maruah, *shaja'ah* (berani) dan *haya* (malu). Menurutnya lagi, *siriq* turut dikaitkan dengan kebebasan individu, kemerdekaan negara (kerajaan), perasaan tidak takut melainkan kepada tuhan dan tiada pelindung yang lebih agung melainkan tuhan. (Nadirsyah Hosen 2018, 444). A. Moien Mg, seorang wartawan yang hadir dalam seminar *Siriq* di Ujung Pandang memetik ucapan yang dibahaskan oleh Hamka pada hari tersebut seperti berikut:

Saya mengerti apa yang dimaksudkan *siriq* dalam kalangan masyarakat Bugis dan Makassar iaitu menjaga maruahnya, memelihara harga diri baik di dalam sikap hormatnya kepada orang lain ataupun di dalam kerendahan hati dan tawadhu'. Mereka bersedia memuliakan orang tetapi jangan dihinakan, mereka mahu memikul yang berat, menjinjing yang ringan tetapi jangan direndahkan. Dari sinilah timbul pepatah Bugis iaitu 'mulutku boleh berkata tuan, tetapi kerisku tidak, dan Makassar pula 'hanya mulutku yang bertuan, tetapi badikku tidak mengenal tuan'. Sebab itu apabila mereka menyisipkan badik atau keris di pinggang bukan bermaksud untuk menikam seseorang melainkan untuk menjaga *siriq* dan menjaga kehormatannya.²

Kajian ini dilihat signifikan dalam membahaskan tentang bagaimana *Siriq na Passe* menjadi elemen penting dan motivasi terbesar kepada suku Bugis serta Makassar di dalam Perang Makassar pada abad ke-17. Hal ini demikian kerana motif utama Perang Makassar bukanlah semata-mata perang untuk memenangkan atau menguasai sesebuah kawasan. Perang Makassar juga bukan perang untuk menonjolkan kekuatan suku masing-masing dan bukan juga perang untuk agama. Perang Makassar asasnya adalah perang atas kepentingan tertentu antara pihak-pihak yang terlibat di dalamnya. Kepentingan Belanda (VOC) misalnya, lebih menjurus kepada usaha untuk memonopoli perdagangan di pelabuhan Makassar³ manakala kepentingan kerajaan Gowa Makassar adalah mempertahankan pelabuhan emporium mereka di samping memulihkan *siriq* mereka yang dicalar oleh Belanda. Bagi suku Bugis Bone, secara jelas mereka berperang untuk memerdekakan diri dari naungan kerajaan Gowa Makassar, yang pada masa tersebut merasa kehilangan *siriq* dalam diri mereka kerana kedudukan mereka yang dijadikan sebagai hamba. Meskipun terdapat pengkaji terdahulu antaranya A. Moien Mg (1994), Andi Zainal Abidin (1999), Abu Hamid (2007), dan Mattulada (2015) tetapi kajian mereka dilihat agak kurang menyeluruh apatah lagi dalam membahaskan tentang falsafah *Siriq na Passe* dalam Perang Makassar. Hal ini berkemungkinan daripada perasaan untuk menjaga sentimen kedaerahan masing-masing sama ada bagi suku Bugis di Bone dan suku Makassar di Gowa, yang hingga pada saat ini masih menebal sentimen mereka terhadap Perang Makassar. Ditambah pula dengan persoalan untuk mempertahankan sama ada Arung Palakka adalah pengkhianat kerana bersekutu dengan Belanda atau pahlawan nasional kerana membebaskan Bone dari jajahan Gowa. Polemik inilah yang menyebabkan sejarawan lokal Sulawesi lebih memilih untuk membahas *Siriq na Passe* secara umum dan walaupun menyentuh tentang Perang Makassar, sifat perbincangan mereka sangatlah neutral. Oleh itu tulisan ini akan melihat

perjuangan mempertahankan dan sejauh mana *siriq* dapat dikembalikan dalam diri suku Makassar dan Bugis tersebut tanpa berpihak kepada mana-mana masyarakat yang terlibat di dalam Perang Makassar tersebut.

LATAR BELAKANG PERANG MAKASSAR

Perang Makassar adalah peristiwa yang melibatkan peperangan antara kerajaan Gowa Makassar dengan Bone yang membuat pakatan dengan Belanda. Kemuncak perang ini adalah pada 18 November 1667 apabila Gowa Makassar tewas dan ditawan sepenuhnya oleh pakatan Bone dan Belanda.⁴

Kerajaan Bone adalah salah sebuah kerajaan Bugis yang terletak di Sulawesi Selatan. Kerajaan ini dikatakan wujud pada abad ke-14 apabila Tomanurung ri Matajang menjadi Raja Bone yang pertama (Mattulada 1985, 67). Watampone menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Bone. Sejak diasaskan, kerajaan Bone terus membangun dan wilayahnya juga bertambah luas. Kerajaan lain yang turut sama memerintah beberapa wilayah di Sulawesi Selatan pada ketika itu adalah Wajo dan Soppeng.⁵ Ketiga-tiga kerajaan ini kemudian membentuk gabungan yang dikenali sebagai Tellumpoccoe atau tiga persekutuan. Namun persekutuan ini kemudiannya berpecah apabila berlaku konflik dalaman dan keinginan Gowa untuk menjadikan Bone dan Soppeng sebagai kerajaan naungan (*vassal*). Hal ini tidak dipersetujui oleh pihak Bone dan Soppeng. Kedua kerajaan ini kemudian melakukan tentangan namun berjaya dipatahkan oleh Gowa. Dengan ini Gowa berjaya menguasai kerajaan Bone dan Soppeng. Manakala Wajo meneruskan sokongan mereka kepada Gowa kerana menganggap kedudukan kerajaan Gowa yang lebih kuat dan kukuh.⁶

Pada dekad-dekad awal abad ke-17, Gowa Makassar adalah sebuah kerajaan yang mendominasi hampir keseluruhan wilayah di Sulawesi Selatan. Reputasi ini diperoleh setelah berjaya menguasai pantai timur dan barat Sulawesi Selatan.⁷ Pada masa yang sama, Gowa Makassar turut berjaya mengekalkan posisinya sebagai pusat persinggahan strategik juga pelabuhan perdagangan utama. Kelebihan ini diperoleh terutama apabila ia menjadi laluan pelayaran terdekat antara Selat Melaka dan kepulauan Maluku.⁸ Bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah pelabuhan yang penting dan bersifat antarabangsa, kerajaan Gowa Makassar turut menjalinkan hubungan politik dan ekonomi dengan Banda, Ambon dan Tidore, wilayah yang dapat membekal produk dagangan ke pelabuhan mereka. Walau bagaimanapun, kedudukan ini sedikit tergugat apabila Belanda (melalui VOC) meluaskan pengaruh mereka di Kepulauan Melayu. Belanda telah menjadikan pelabuhan Betawi di pulau Jawa sebagai persinggahan utama sebelum menuju ke kepulauan Maluku dengan melalui Buton atau kepulauan Nusa Tenggara (Pelras 2006, 162). Justeru, bagi mengelak penguasaan Belanda, kerajaan Gowa Makassar berhasrat untuk membebaskan dan terus menguasai laluan perdagangan di sebelah selatan Sulawesi. Oleh itu, ekspedisi ketenteraan dilancarkan bagi menguasai wilayah-wilayah di perairan Sulawesi Selatan dan sekitarnya. Serangan-serangan tersebut bermula di Sumbawa pada 1617, 1619, 1621 dan 1623; Lombok pada 1624 (Pelras 2006, 163); Buton juga pada 1626, 1634 dan 1655 (Zuhdi 2010, 152-158), serta Timor pada tahun 1640. Di samping itu, kerajaan Gowa Makassar tetap menjalin hubungan baik dengan Tanete dan Banda. Komoditi utama di laluan perdagangan ini adalah rempah ratus (terutama cengkih dan pala) yang dijual pada harga yang mahal di Maluku. Ia kemudian dipasarkan secara bebas oleh Gowa Makassar sehingga adakalanya dijual lebih murah dari pusat bekalannya iaitu di Maluku untuk menarik pedagang-pedagang ke pelabuhannya. Komoditi lain yang didagangkan di Makassar antara lain adalah beras, kain tempatan, lada yang dibawa dari Banjarmasin dan Jambi serta hamba (Pelras 2006, 163).

Gowa Makassar digambarkan menjadi pelabuhan antarabangsa yang menggantikan Melaka selepas jatuh ditawan Portugis (Andi Zainal Abidin 1999, 186).⁹ Kerajaan Gowa

Makassar turut membuka pelabuhan mereka kepada pedagang-pedagang bangsa lain seperti Eropah. Mereka terdiri daripada Portugis, Inggeris, Denmark, Sepanyol dan Perancis, begitu juga halnya dengan Belanda. Sultan Hasanuddin pernah mengucapkan, “orang asing siapa saja dipersilahkan datang hanya untuk berdagang” (Zuhdi 2010, 148). Namun, Belanda lebih berhajat untuk memonopoli perdagangan sebagaimana yang dilakukannya terhadap Maluku. Hal ini tidak dipersetujui oleh pemerintah Gowa Makassar apatah lagi beberapa peraturan dan larangan yang ditetapkan oleh Belanda yang bersifat tidak adil. Situasi kemudian menjadi semakin tegang yang akhirnya membawa kepada serangan kerajaan Gowa Makassar terhadap kepentingan Belanda di Maluku. Di samping itu, kerajaan Gowa Makassar turut memberi bantuan dalam kebangkitan dan penentangan masyarakat Ambon ke atas Belanda serta turut menyerang benteng Belanda di Buton. Meskipun sesekali Belanda bertindak balas dengan mengenakan sekatan kepada Gowa Makassar tetapi usaha tersebut dilihat tidak berhasil. Belanda akhirnya memeterai gencatan senjata dengan Gowa Makassar bermula pada 1637 sehingga 1653 meskipun gencatan tersebut sebenarnya dilihat agak rapuh. Hal ini demikian kerana konflik masih berterusan apabila Belanda sekali lagi melancarkan serangan balas ke atas Gowa Makassar pada 1655 namun berjaya dipatahkan. Beberapa tahun berikutnya iaitu pada 1660, Belanda melancarkan serangan dengan menyasarkan kepentingan Portugis di Makassar. Mereka turut membakar kapal-kapal yang sedang berlabuh di pelabuhan tersebut. Perkara ini membawa kerugian kepada pihak kerajaan Gowa Makassar. Berikutnya, Belanda juga bijak mengambil kesempatan atas situasi konflik yang sedang berlaku antara kerajaan Bone dan Gowa Makassar. Lalu kekuatan terbaru Belanda ini adalah hasil bantuan daripada seorang pemimpin masyarakat Bone iaitu La Tenritata Arung Palakka. Melalui peristiwa inilah nanti akan diperlihatkan bagaimana *Siriq na Passe* berperanan dalam memberi motivasi kepada Arung Palakka untuk bangkit melawan kerajaan Gowa Makasar dengan dibantu oleh tentera-tentera Belanda.

Arung Palakka ini sebenarnya telah menjadi tawanan pemimpin Gowa Makassar sejak beliau kecil lagi bersama ayah, ibu dan saudaranya. Namun begitu, beliau kemudian menjadi hamba kesayangan Mangkubumi (Perdana Menteri) Gowa, Karaeng Pattinggaloang. Justeru, Arung Palakka dibesarkan di Gowa Makassar dengan diberi ilmu pengetahuan dan kemahiran pertahanan sebagaimana anak bangsawan Makassar yang lain. Menurut Andi Zainal Abidin,

Ia dibesarkan dan dididik di istana Karaeng Pattingalloang dan sangat favorit di kalangan remaja dan anak-anak muda, oleh kerana pandai bersilat dan menggunakan segala macam senjata dan berkemampuan dalam olah raga, terutama sepak raga.¹⁰

Akan tetapi, Arung Palakka masih tebal dengan semangat Bone dan Bugisnya. Hal ini terbukti kerana beliaulah yang kelak menjadi pemimpin kebangkitan masyarakat Bone dengan membentuk pakatan bersama Belanda untuk membebaskan Bone dari Gowa Makassar.

Menyorot kepada masa lalu, hampir satu abad lamanya kerajaan Bone pernah berada di bawah naungan (*vassal*) kerajaan Gowa Makassar. Selain daripada usaha untuk mengukuhkan kekuasaannya di perairan Sulawesi dan juga untuk memastikan kuasa perdagangan antarabangnya terus kekal, serangan ke atas kerajaan-kerajaan di sekitar Sulawesi Selatan dilakukan oleh kerajaan Gowa Makassar juga atas sebab memperluaskan syiar Islam. Kerajaan Gowa Makassar dicatatkan menjadi pusat pengembangan agama Islam sejak tahun 1605. Sejak awal abad ke-17 kerajaan Gowa Makassar dikatakan telah mengIslamkan kerajaan Soppeng, Wajo' dan Bone. (Andi Zainal Abidin, 1999, 185-186). Namun konflik dan penentangan terus berlaku yang mengundang kepada serangan-serangan berikutnya ke atas wilayah-wilayah terbabit, termasuklah Bone.¹¹ Kerajaan Gowa Makassar melancarkan serangan dan berjaya menawan Bone pada tahun 1646. Hampir 30,000 orang termasuk bangsawan Bone menjadi tawanan dan dibawa ke Makassar. Malah lebih parah lagi apabila tawanan tersebut

kemudiannya dijadikan sebagai hamba dan buruh paksa. Hampir 10 ribu orang daripada mereka dipaksa untuk membina benteng dan menggali parit bermula dari benteng Somba Opu ke Barombong. Bertitik tolak dari peristiwa ini, maka pihak Bone yang masih menjadi tawanan Gowa Makassar di bawah pimpinan Arung Palakka melancarkan penentangan tetapi dengan mudah dipatahkan oleh tentera Gowa Makassar. Namun pemimpin Gowa Makassar tidak berdiam diri kerana setelah itu Arung Palakka dan beberapa bangsawan Bone lain telah diburu kerana dianggap sebagai ancaman kepada kerajaan Gowa Makassar. Arung Palakka kemudian berundur ke Buton untuk mendapatkan suaka politik dan mencari penyokong untuk bergabung dan mengumpul kekuatan bagi melawan hegemoni Gowa Makassar.

Ibarat ‘pucuk dicita ulam mendatang’, peristiwa ini dapat dihidu oleh Belanda. Belanda (melalui VOC) kemudian bersetuju untuk bergabung dengan Bone dalam perjuangan ini. Maka pada tahun 1666, tentera Belanda bersama dengan tentera Bugis (Bone dan Soppeng), Ternate, Ambon dan Buton melancarkan serangan besar-besaran ke atas kerajaan Gowa Makassar. Pasukan ini merancang dengan rapi bagi memastikan kemenangan dengan melakukan serangan dari dua hala. Di pihak Belanda, serangan ini dipimpin oleh Jeneral Cornelis Speelman Janszon. Tentera Belanda menyerang dari laut lepas dan tentera Bone yang dipimpin oleh Arung Palakka sendiri menyerang dari sebelah darat. Oleh itu, mereka dapat melakukan kepungan sehingga tentera dan masyarakat Gowa Makassar tidak dapat meminta bantuan luar. Kepungan selama beberapa bulan dan serangan yang begitu sengit akhirnya membawa kepada kekalahan Gowa Makassar. Kekurangan bekalan makanan kesan dari kepungan juga antara faktor utama Gowa Makassar terpaksa menyerah kalah. Pada 18 November 1667, pemerintah kerajaan Gowa Makassar, Sultan Hasanuddin telah menandatangani perjanjian yang dipanggil Perjanjian Bungaya sekaligus mengakhiri konflik tetapi ianya hanya seketika. Jika diteliti, intipati utama perjanjian antaranya, kerajaan Gowa Makassar diwajibkan membongkar sebahagian besar benteng (kubu) mereka (fasal 10), menyerahkan segala urusan perdagangan rempah, memberhentikan semua import dari sumber-sumber lain selain Belanda, menghalau keluar pedagang Portugis (fasal 6 dan 8) dan membebaskan negeri-negeri yang dijajah sama ada di Makassar atau di tanah Bugis (fasal 14, 16 hingga 21) (Pelras 2006, 166). Malahan, pada fasal 13 perjanjian ini, Makassar diwajibkan membayar semua kerugian Belanda (VOC) ekoran perang yang berlangsung (Poelinggomang 2002, 35). Ekoran daripada kandungan perjanjian di atas, *Siriq na Pacce* bagi suku Makassar dapat diperlihatkan kerana perjanjian yang berat sebelah ini membangkitkan semangat Gowa Makassar untuk kembali berperang dan berusaha membebaskan kerajaan mereka dari Belanda, walaupun sehingga akhirnya mereka tidak berjaya.

***SIRIQ NA PASSE* SEBAGAI KEARIFAN LOKAL SUKU BUGIS DAN MAKASSAR**

Siriq na Passe boleh dilihat sebagai suatu bentuk kearifan lokal dalam masyarakat suku Bugis dan Makassar. Definisi kearifan lokal (*local wisdom*) adalah sesuatu yang merangkumi aspek kebijaksanaan, falsafah, pandangan hidup (*weltanschauung*), pengalaman, kepakaran, kiasan, ibarat, adat resam, kepercayaan, perekonomian, kemasyarakatan, kepolitikan (Ding 2010, 2) ilham, hikmah dan pengetahuan tradisional (*indigenous knowledge*). Kearifan ini diturunkan dari satu generasi ke satu generasi, kemudian diwarisi oleh lingkungan keluarga atau masyarakat sama ada secara lisan, perbualan dan upacara ritual (Pudentia 2013, 1). Ciri yang merupakan epistemologi lokal ini juga lazimnya diterjemah dalam bentuk karya persuratan, lisan dan budaya warisan, seterusnya menjadi institusi sosial atau lambang keintelektualan sezaman merangkumi seluruh wilayah di dunia termasuk Alam Melayu. Ia juga turut membentuk keseragaman amalan dan budaya masyarakat setempat atau serumpun. Suku-suku di Alam Melayu yang terdiri antaranya suku Melayu, Bugis, Makassar, Minang, Jawa, Batak, Sunda, Dayak, Mandahailing, Banjar, Cagayan dan sebagainya, memiliki kearifan lokal

tersendiri yang kemudian membentuk ketamadunan masyarakat dalam lingkungan mereka. Inti pati kearifan yang mereka miliki kemudian berevolusi, diolah, diadaptasi dan dipatenkan serta dijadikan sebagai panduan, pedoman serta rujukan masyarakat meliputi pelbagai aspek kehidupan yang terdiri dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Kearifan ini kemudian berkembang dan berterusan malah sebahagiannya terus kekal dilestarikan hingga ke hari ini.

Pemahaman dan kepercayaan terhadap falsafah *Siriq na Passe*, adalah juga satu bentuk kearifan lokal masyarakat suku Bugis dan Makassar. Seorang ahli antropologi Amerika bernama Shelly Errington mengemukakan pandangan tentang *siriq* sebagaimana berikut,

Untuk orang Bugis, tidak ada tujuan atau alasan lebih tinggi atau lebih penting daripada menjaga *siriq* nya, dan apabila mereka merasa tersinggung *ripakasiriq* atau dipermalukan mereka lebih rela mati dan dengan cara bertarung untuk memulihkan *siriq*nya. Mati kerana mempertahankan *siriq* diistilahkan sebagai *mate rigollai*, *mate risantangi* bermaksud mati diberi gula dan mati diberi santan bermaksud kematian yang tidak sia-sia dan terhormat.¹²

Manakala Andi Zainal Abidin mentakrif *siriq* sebagai, "... suatu sistem nilai sosio-kultural dan kepribadian yang merupakan pranata pertahanan harga diri dan martabat manusia sebagai individu dan kelompok" (Andi Zainal Abidin 1999, 179). Selain itu, *siriq* turut boleh hadir pada orang perseorangan (individu), kepada kelompok (keluarga, kampung, suku atau masyarakat) dan kepada kerajaan atau negara. Dalam perbincangan ini, *siriq* terbukti telah memberi satu nilai tambah dalam keperibadian dan kehidupan masyarakat Bugis serta Makassar. Hal ini kerana seseorang yang menjaga maruah dan harga dirinya dilihat sangat memuliakan hal-hal yang menyangkut soal kepercayaan (agama), sangat setia memegang amanat dan janji yang dibuat, setia kepada persahabatan, bermasyarakat dan sangat memelihara tertib dan adat khususnya dalam perkahwinan (Mattulada 2015, 72-73). Justeru, pelbagai nilai murni akan terbit apabila seseorang atau kelompok itu berpegang kepada *siriq*. Pegangan terhadap *Siriq na passe* merupakan suatu kepercayaan yang luas yang turut membawa kepada beberapa peringkat sebagaimana dirujuk dari buku *La Toa* (orang dahulu) seperti berikut:

- a. *Mate siriq* (seseorang yang telah hilang harga diri atau kehormatannya)
- b. *Mappakasiriq* (dicemari kehormatannya)
- c. *Ritaroang Siriq* (ditegakkan kehormatannya)
- d. *Siriq Emmi ri Onroang Rilino* (hanya jika ada nilai *siriq*, maka hidup akan bermakna)
- e. *Passampo siriq* (penutup malu)
- f. *Tomasiriqna* (keluarga pihak yang dicemari kehormatannya)
- g. *Parakai siriqnu* (jagalah kehormatanmu)
- h. *Maseddi siriq* (bersatu kerana maruah)
- i. *Mate ri Siriqna* (mati terhormat dan bermaruah) (A. Moien 1994, 13)

Klimak kepada semua unsur *siriq* di atas boleh membawa kepada *jallo* (amuk) apabila berlaku *Mate Siriq* (seseorang yang telah hilang harga diri atau kehormatannya). Seseorang yang telah hilang harga diri diibaratkan sebagai bangkai yang bernyawa. Masyarakat suku Bugis dan Makassar merasa bahawa ketika berlakunya *mate siriq*, seseorang itu akan cenderung melakukan *jallo* (amuk) sekalipun terpaksa mengorbankan nyawanya. *Jallo* yang sebegini disebut sebagai *napatettonngi siriqna* bermaksud menegakkan kembali maruah dan harga dirinya. Sebuah ungkapan Bugis berbunyi seperti berikut '*ia sempugitta rekkua de'na siriqna engka messa pessena*' bermaksud 'sesama kita orang Bugis, bilamana *siriq* itu tidak ada lagi padanya maka nescaya masih ada *passenya*'.¹³

Dari segi bahasa, istilah *passee* bermaksud perasaan hiba dan pedih juga hati yang seolah-olah disayat (Andi Zainal Abidin 1999, 181). Dari sudut nilai budaya pula, *passee* berkait rapat dengan daya pendorong untuk menimbulkan solidariti yang kukuh, bersatu (*maseddi siriq*) dan semangat setiakawan (Mattulada 2015, 72). Dalam situasi ini merujuk dalam kalangan suku Bugis dan Makassar. Hal ini jugalah yang menyatukan antara Arung Palakka selaku pemimpin dengan rakyat Bone yang berdiri kukuh untuk bersolidariti meskipun suatu ketika mereka merasakan bahawa telah hilang *siriq*nya selama menjadi hamba kepada kerajaan Gowa Makassar. Begitu juga halnya solidariti yang wujud dalam kerajaan Gowa Makassar apabila Belanda dan Bone melancarkan serangan ke atas Makassar sehingga pemimpin mereka, Sultan Hasanuddin terpaksa menandatangani Perjanjian Bungaya.¹⁴ Kedua-dua suku yang menjadi dominan dalam perang Makassar ini bertekad untuk sama ada mempertahankan mahupun memulihkan *siriq* masing-masing sehingga ke titisan darah yang terakhir. Secara jelas, *passee* ini menjadi nadi, membakar semangat dan motivator untuk mendirikan *siriq*.¹⁵ Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan.

SIRIQ NA PASSE SEBAGAI MOTIVASI DALAM PERANG MAKASSAR

Kejayaan Gowa Makassar menawan Bone dalam perang Passempe¹⁶ pada tahun 1646 menjadi suatu pemangkin terhadap mengukuhnya falsafah *Siriq na Passee* dalam kalangan rakyat Bone. Hal ini menyangkut kepada hilangnya kemerdekaan yang selama ini dikecapi mereka. Lebih parah lagi apabila mereka dijadikan tawanan dan hamba oleh kerajaan Gowa Makassar. Seramai lebih kurang 30 ribu orang tawanan Bone telah dibawa ke Makassar termasuk beberapa bangsawan antaranya Arung Bila Daeng Mabela, Arung Belo To Sade, Arung Appannang dan La Tenritata Arung Palakka. Kerajaan Bone kemudiannya dijadikan *palili* (*vassal*) oleh kerajaan Gowa Makassar dan diperintah oleh seorang pemangku raja (*jennang*) iaitu To Bala. Namun To Bala ini boleh dikatakan hanya seperti raja boneka kerana segala keputusan ditentukan oleh pemimpin Gowa Makassar. Pada tahun 1660, kerajaan Gowa Makassar dikejutkan dengan kehadiran tentera Belanda di Kota Panakkukang di sebelah selatan Somba Opu. Kemunculan Belanda selepas 44 tahun sejak 1616 mengejutkan pemimpin Gowa Makassar. Perang bermula apabila Belanda membedil Kota Panakkukang dari arah laut. Tentera Gowa Makassar melancarkan serangan balas tetapi strategi Belanda akhirnya berjaya menawan Kota Panakkukang. Biarpun begitu, dengan kebijaksanaan Sultan Hasanuddin suatu pakatan perdamaian dapat dicapai dengan mengutuskan Karaeng Popo untuk berunding dengan Jeneral Belanda di Betawi. Rundingan ini telah membuahkan hasil apabila Belanda akhirnya bersetuju untuk berundur dari Kota Panakkukang.

Rentetan dari peristiwa ini telah menyedarkan kerajaan Gowa Makassar bahawa mereka perlu memperkuat dan memperkukuhkan lagi benteng pertahanan mereka. Maka Karaeng Karunrung, Mangkubumi kerajaan Gowa Makassar memerintahkan To Bala (pemangku raja Bone) untuk menghantar 10 ribu orang Bone untuk menggali parit sepanjang tiga ribu depa. Penggalan ini bertujuan untuk menempatkan penembak bedil yang dapat menghalang musuh dari laut. Maka pada akhir Julai 1660, tibalah 10 ribu orang Bone yang dipimpin sendiri oleh To Bala yang terdiri daripada pelbagai lapisan golongan dan umur. Mereka antaranya adalah petani, nelayan, tukang kayu, orang kebanyakan, hamba, golongan bangsawan kanak-kanak dibawah umur dan orang tua yang telah uzur (Patunru 1995, 118). Sangat menyedihkan kerana ramai dalam kalangan mereka yang jatuh sakit kerana berjalan sejauh ratusan kilometer untuk sampai ke Gowa Makassar lalu dipaksa pula untuk bekerja. Di sinilah kelihatan *siriq* bagi rakyat Bone sudah semakin hilang.

Kelewatan aktiviti penggalan parit menimbulkan kemarahan Karaeng Karunrung. Hal ini menyebabkan seluruh *Anakarung* (bangsawan) Bone turut dipaksa untuk menggali parit tersebut. Rakyat Bone sekali lagi merasakan *siriq* mereka semakin hilang dan tercalar apabila

melihat raja dan penguasa mereka turut dikerah untuk menggali parit. Dicatatkan antara golongan bangsawan yang bersama dikerah menggali adalah, “To Ballak, Daeng Pabillak, Arung kaju, Arung Maroanging dan La Tenritattak” sendiri (Andi Zainal Abidin 1999, 190). Akan tetapi, suatu kebaikan dari pegangan terhadap konsep *siriq* tadi, bertitik tolak dari peristiwa ini jugalah *passe* mereka muncul untuk bangkit melawan penindasan Gowa Makassar kerana merasakan tindakan yang tidak wajar kepada pemimpin dan raja mereka.

Suatu peristiwa besar yang meningkatkan lagi semangat dan motivasi pemimpin Bone iaitu Arung Palakka untuk bangkit mengembalikan *Siriq na Passe* mereka, ialah apabila mengetahui bahawa ayahnya Arung Tanatengga telah mati dibunuh. Beliau dibunuh dengan kejam setelah mengamuk (*jallo*) melihat kesengsaraan rakyat Bone yang dipukul hingga mati di hadapan matanya. Peristiwa ini terjadi kerana cubaan rakyat Bone tersebut untuk melarikan diri kerana tidak mampu lagi bertahan sebagai hamba dan kerahan. Namun, seperkara yang membanggakan dan membangkitkan *siriq* bagi rakyat Bone, Arung Palakka dilihat seakan redha dengan peristiwa ini kerana menganggap kematian ayahnya mendapat *mate ri santangi*, *mate ri gollai* yakni kematian yang bermaruah demi mempertahankan *siriq* dan kekuatan perasaan solidaritinya (*passe*). Di dalam naskhah Bugis terjemahan Muhlis Hadrawi dinyatakan seperti berikut:

Berkatalah Datu Marioriwawo (ibu Arung Palakka) ‘Ayahmu telah meninggalkan kita, lalu Arung Palakka bertanya, Ibunda, di manakah jasad Ayahku? Jasad ayahmu sudah disemadikan, beliau meninggal kerana mengamuk ketika menyaksikan penggali yang cuba melarikan diri ditangkap kemudian dipukul hingga mati hingga membangkitkan hiba (*passe*) Ayahmu kerana melihat kedua orang Bone diperlakukan dengan tidak berperikemanusiaan. Lalu berkatalah Arung Palakka, wahai ibunda, seandainya aku ada pada saat itu, maka aku juga akan mati kerana sudah pasti aku akan mengamuk bersama ayahanda, sudah pasti akan mati bersama, namun ayahanda tidak sekadar mati melainkan mati diberi santan (terhormat).¹⁷

Meskipun Arung Palakka kehilangan ayahandanya, namun beliau tidak mengambil masa yang lama untuk berkabung, malah beliau segera kembali menyertai rakyatnya untuk menggali parit.

Aktiviti penggalian parit terus berjalan dan layanan yang tegas turut dilaksanakan oleh penguasa Gowa Makassar. Di dalam setiap kumpulan ditempatkan seorang penjaga (mandur) untuk mengawasi tugas yang dikerahkan. Sesiapa yang mencuri tulang akan dipukul dengan *cambuk* (cemeti) yang diperbuat dari ekor pari. Bekalan makanan para pekerja turut dicatu. Hal ini menyebabkan semakin ramai rakyat Bone yang menderita kerana jatuh sakit. Antara penyakit yang menyerang adalah demam panas, cirit birit, berak darah, sembelit, berak hingus dan taun. Penyakit taun paling banyak mengorbankan nyawa rakyat Bone pada masa tersebut (Saransi 2008, 108). Penderitaan mereka yang ditimpa penyakit digambarkan sangat memilukan hati. Mereka meraung memanggil ibu, memanggil isteri, memanggil anak dan ada juga ayah. Perasaan yang sangat hiba timbul sehingga merasakan tidak ada erti lagi hidup mereka kerana *siriq* telah dimatikan (hilangkan). Justeru, mereka perlu bangkit untuk mengembalikan *siriq* mereka dan barulah hidup mereka menjadi bererti semula. Hal ini seperti dinyatakan dalam catatan VOC di mana rakyat Bone meminta agar Gowa melunaskan rasa malu mereka (*siriq*) melalui pembebasan, jika tidak mereka (rakyat Bone) tidak dapat meneruskan kehidupan melainkan mati mempertahankan *siriq* tersebut atau dalam bahasa Bugis disebut *mate rigollai*, *mate risantangi* (kematian yang bermaruah) (Andaya 2013, 22).¹⁸

Kesengsaraan ini tidak dapat ditanggung lagi oleh Arung Palakka dan seluruh rakyat Bone.¹⁹ Malahan apabila ada kalangan tawanan Bone yang diseksa di depan matanya kerana cuba melarikan diri, telah menimbulkan lagi rasa *passe* untuk menolok tawanan-tawanan tersebut. Maka beliau mengaturkan gerakan untuk cuba membebaskan tawanan tersebut juga

melancarkan penentangan. Walau bagaimanapun, usaha awal beliau tidak berjaya dan Arung Palakka terpaksa untuk berundur ke Buton pada tahun 1660.²⁰ Beliau berjanji akan kembali ke Gowa Makassar bagi memerdekakan rakyat Bone sekaligus mengembalikan *siriq* mereka. Sebagaimana mana yang dijelaskan di atas, Arung Palakka kemudian telah pergi ke Betawi bagi mendapatkan bantuan Belanda. Arung Palakka – Belanda membentuk pakatan untuk memerangi Gowa Makassar dan akhirnya berjaya dalam perang Makassar sekaligus membebaskan tawanan Bone.

Jika dilihat dari perspektif yang mendorong penentangan Bone terhadap Gowa Makassar, sudah tentulah *Siriq na Passe* sebagai salah satu faktor utama. Hal ini demikian kerana harga diri mereka sebagai satu kelompok masyarakat atau suku sudah hilang akibat dijadikan hamba dan segala penghinaan yang diterima. Namun rasa hiba, kebersamaan dan solidaritilah yang menyatukan mereka sehingga pada akhirnya bangkit melawan hegemoni Gowa Makassar demi sebuah kebebasan dan memulihkan *siriq*. Bagi diri Arung Palakka sendiri sebagai seorang bangsawan Bone dan seorang pemimpin, hanya dengan mengembalikan *siriq* dirinya, *siriq* sukunya dan *siriq* negerinya sahaja barulah dia dapat ‘mengangkat mukanya’ di Sulawesi Selatan. Hal ini tentunya berkait rapat dengan pegangan masyarakat Bugis tersebut, adalah lebih baik mati dalam membela dan menegakkan *siriq* (*Materi Siriqna* - mati terhormat dan bermaruah) daripada hidup tanpa *siriq* (Andi Zainal Abidin 1999, 197). Ternyata, falsafah ini antara yang mendorong Arung Palakka dan orang Bone untuk berjuang sehingga berjaya menewaskan tentera-tentera Gowa Makassar.

Pada masa yang sama, peristiwa perang Makassar turut membangkitkan falsafah *Siriq na Pacce* (Makassar) kepada suku Makassar juga. Hal ini terjadi apabila Perjanjian Bungaya yang ditandatangani dengan Belanda itu dilihat sangat berat sebelah. Intipati perjanjian tersebut memberi kerugian yang sangat besar kepada kerajaan Gowa Makassar. Perjanjian Bungaya juga menandakan berakhirnya era penguasaan politik dan ekonomi Gowa Makassar di Sulawesi Selatan. Ia dilihat seperti situasi yang menconteng arang ke muka baginda Sultan atau *rippakasiriq* (mempermalukan). Kerajaan Gowa Makassar awalnya dilihat tidak bersetuju dengan intipati perjanjian ini. Namun melihat kepada penderitaan yang dialami oleh rakyatnya yang mengalami kekurangan bekalan makanan dampak dari perang ini, Sultan Hasanuddin akhirnya akur dan menandatangani Perjanjian Bungaya pada 18 November 1667. Keputusan dan tindakan baginda turut berkait dengan rasa hiba dan kebersamaan (*pacce*) yang dirasakan oleh Sultan Hasanuddin sehingga sanggup untuk ke meja rundingan demi rakyatnya. Salah satu peristiwa yang paling menyedihkan dalam perang Makassar yang turut menyentuh *Siriq na Pacce* adalah nasib tawanan Gowa Makassar di pulau kecil di selat Buton. Belanda dilihat sengaja menempatkan tawanan di pulau tersebut dengan bekalan makanan yang sangat terhad untuk beberapa bulan sahaja. Sehingga pada waktu yang lama lalu bekalan makanan habis, maka ramai yang mati kelaparan. Adapun yang bernasib baik hanyalah sebahagian kecil dari mereka yang dapat berenang ke daratan yang berhampiran. Belanda kemudian menamakan pulau tersebut sebagai “*Overwinnars eiland*” (pulau bagi orang yang menang). Ia turut dikenali sebagai ‘pulau Makassar’ atau “*Makassarsch Kerkhof*” (perkuburan Makassar) (Patunru 1993, 47). Jika dikaitkan dengan perbincangan di atas, pasti peristiwa ini meninggalkan rasa hiba (*pacce*) yang sangat mendalam khususnya kepada Sultan Hasanuddin. *Pacce* yang lahir itu mendorong kembali usaha untuk mempertahankan *siriq* mereka lalu baginda kemudiannya memperkuatkan kembali benteng pertahanannya. Benteng yang telah dirosakkan oleh Belanda pada tahun 1666 diperkukuhkan kembali dengan sokongan beberapa ribu orang tentera di bawah pimpinan Daeng Tulolo. Hal ini bertujuan untuk menangkis serangan Belanda sekaligus berperang habis-habisan untuk mengembalikan *siriq* yang dicalar oleh Belanda. Biarpun begitu, pasukan Bone telah bersiap sedia. Pada 22 Jun 1669, Arung Palakka yang dibantu oleh pasukan tentera Bacan menyerbu masuk ke benteng-benteng tersebut untuk memadamkan kebangkitan tentera dan orang Gowa Makassar. Mereka membakar gudang-gudang dan

merampas meriam serta senjata. Pasukan Gowa Makassar bersama tentera Wajo' yang berjuang bersama mereka tetap bersemangat, berusaha mempertahankan kerajaan dan *siriq* mereka.²¹ Meskipun kerajaan Gowa Makassar tewas dan ditawan sepenuhnya, namun ramai yang percaya, sebilangan besar masyarakatnya telah mendapat *mate ri santangi, rigollai* yakni kematian yang terhormat dan bermaruah demi mempertahankan negara mereka.

Perang Makassar menjadi antara perang yang terbesar pernah meletus di Alam Melayu. Hebatnya kejadian perang ini ekoran setiap pihak yang terlibat di dalamnya (Bugis Bone dan Gowa Makassar), masing-masing berpegang teguh kepada konsep *siriq* tersebut. Hasilnya perang meletus dalam tempoh yang panjang dan setiap pihak sukar untuk menyerah kalah dengan mudah. *Passe/pacce* yang terbit pula, menyemarakkan lagi semangat dan menghilangkan rasa takut pemimpin dan tentera perang dalam perjuangan mereka. Justeru tidak hairanlah, sama ada di pihak Bone mahupun Gowa Makasar, kekalahan awal tidak mematikan semangat mereka malah terus mencuba lagi melakukan serangan susulan sehinggalah kekalahan sepenuhnya dihadapi.

KESIMPULAN

Secara umumnya, *siriq* yang menjadi pegangan masyarakat Bugis dan Makassar itu merupakan satu kearifan dalam pemikiran yang seterusnya menjadi satu ideologi sejagat suku mereka masing-masing. Kearifan dalam *Siriq na Passe* (Bugis) atau *pacce* (Makassar) ini menjadi dorongan dan motivasi yang sangat kuat dalam Perang Makassar. Bone dilihat berjaya mengembalikan *siriq*nya apabila bebas dari naungan kerajaan Gowa Makassar dan kembali menjadi sebuah negeri yang berdaulat di bawah pimpinan To Unru La Tenritata Arung Palakka. Penderitaan yang dihadapi selama hampir 14 tahun berada di bawah naungan Gowa Makassar berakhir dengan memenangi perang Makassar tersebut. Kalau bukan kerana *siriq* mungkin sukar untuk mereka bangkit kembali. Kerana dari *siriq* itulah timbulnya rasa hiba (*passe*) lalu melahirkan kebersamaan atau solidariti untuk bangkit melawan Gowa Makassar. Dalam catatan VOC, sekutu kompeni di Sulawesi Selatan (Bone) itu meminta kepada Gowa Makassar agar rasa malu mereka dihapuskan. 'Tanpa mengembalikan rasa malu (*siriq*) kami tidak dapat terus hidup tetapi harus mati dan akan dianggap sebagai orang yang tidak memiliki perasaan (*ongevolige menshen*) jika terus hidup' (Andaya 2013, 22). Bagi suku Makassar, meskipun mereka pada akhirnya kalah kepada Belanda, namun mereka tetap mempertahankan *siriq na pacce*. Hal ini turut dibuktikan apabila beberapa kali bangkit melawan Belanda selepas 1667 kerana rasa ketidakpuasan hati dengan Perjanjian Bungaya di samping beberapa peristiwa yang mencalarkan *siriq* mereka. Kalau tidak kerana kekurangan bekalan makanan, sukar untuk Belanda dan pakatannya mengalahkan Gowa Makassar. Hal ini kerana mereka adalah pemegang falsafah *siriq* yang unggul dan rela mati demi *siriq*nya (maruah). Peredaran zaman terus berlaku, begitu juga dengan falsafah ini yang semakin pudar dalam kalangan masyarakat suku Bugis dan Makassar. Namun kearifan lokal yang mewakili suku Bugis dan Makassar ini masih tetap boleh dilestarikan, menjadi identiti dan kebanggaan dalam corak pemikiran mereka hingga ke hari ini. Hari ini, falsafah *siriq* masih lagi cuba diterapkan dalam kehidupan harian mereka untuk melahirkan individu dan masyarakat yang cemerlang di Sulawesi Selatan.

NOTA

¹Hamid Abdullah. 1985. *Manusia Bugis Makassar: Suatu Tinjauan Historis terhadap pola Tingkah laku dan pandangan Hidup Manusia Bugis-Makassar*. Inti Dayu: Jakarta, hlm. 37

²A. Moein Mg. 1994. *Sirik na Pacce dan Relevansinya dengan Budaya Bangsa*. Ujung Pandang: Yayasan Makassar Press, hlm. 91.

³Dari segi sejarahnya, Belanda memang sentiasa berusaha untuk memonopoli perdagangan dan mengusir pedagang Portugis di pelabuhan Gowa Makassar. Pada tahun 1607, Belanda (VOC) telah mendapat izin untuk membuka loji perdagangan mereka di Makassar, namun mereka masih terus mendesak kerajaan Gowa untuk menghalang perdagangan rempah secara bebas. Walaupun terus didesak, pemerintah Gowa Makassar enggan akur dengan permintaan ini. Oleh itu, Belanda telah menutup loji mereka tersebut pada tahun 1618. Sejak itu hubungan Belanda – Gowa Makassar terus memburuk dan Belanda sentiasa mencari jalan untuk menguasai pelabuhan Makassar. Edward L. Poelinggomang. 2002. *Makassar Abad XIX*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, hlm. 20-30.

⁴Walaupun bagaimanapun, setelah perjanjian tersebut ditandatangani, Sultan Hasanuddin, pemerintah kerajaan Gowa Makassar tidak berpuas hati dan cuba untuk menyerang balas. Tentangan dari Gowa Makassar tercetus semula sekitar April 1668. Namun begitu baginda tewas, dan Belanda berjaya menguasai Benteng Sombaopu sepenuhnya pada 24 Jun 1669. Hal ini memaksa pemerintah kerajaan Gowa Makassar menandatangani sebuah lagi perjanjian damai pada 28 Julai 1669 di Binanga. Lihat, Edward L. Poelinggomang. 2002. *Makassar Abad XIX*, hlm. 36.

⁵Pada tahun 1582, ketika pemerintahan Raja Bone yang ketujuh, suatu perjanjian telah ditandatangani antara Bone, Wajo dan Soppeng untuk saling bekerjasama bagi menghadapi serangan Gowa Makassar. Perjanjian ini memperlihatkan seolah-olah hubungan persaudaraan antara tiga kerajaan tersebut yang mana Bone dilihat sebagai saudara tua, Wajo saudara tengah dan Soppeng sebagai saudara bongsu. Abdul Razak Daeng Panturu. et al, eds. 1989. *Sejarah Bone*. Ujung Pandang: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan, hlm. 54.

Arung Palakka juga menggunakan pelbagai strategi untuk mengukuhkan kerajaan Bone. Antaranya dengan mengahwinkan kerabat diraja Bone dengan pemerintah-pemerintah tempatan yang lain. Arung Palakka sendiri mengahwini puteri Soppeng. Selepas menguasai Gowa pula, Arung Palakka mengahwinkan anak saudaranya La Patau dengan puteri Gowa.

⁶Pananrangi Hamid. 1992. *Tattiek Kartikasari, Lontarak Tellumpoccoe*, Makassar: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, hlm. 144.

⁷Dicatatkan, mulai tahun 1616, wilayah pertama yang ditakluki kerajaan Gowa Makassar adalah Sumbawa. Kemudian diteruskan ke Gores, Solor, Timor dan Buton pada tahun 1626. Berikutnya turut ditakluk Muna, Kepulauan Sula, Menado dan Tomini. Malahan, terkeluar dari wilayah Sulawesi, Makassar turut menawan Kutai (di pesisir Timur Kalimantan). Lihat, Edward L. Poelinggomang. 2002. *Makassar Abad XIX*, hlm. 32.

⁸Menurut Poelinggomang yang memetik pernyataan Stapel, sejak abad ke-16 lagi, Gowa Makassar memainkan empat fungsi utama, iaitu pertamanya sebagai pusat perdagangan bagi seluruh pedagang perairan Makassar, kedua sebagai pelabuhan transit pedagang-pedagang rempah ratus dan kayu cendana, ketiga sebagai pembekal produk makanan (beras dan ternakan) dan keempat sebagai bandar pelabuhan internasional. Lihat, Edward L. Poelinggomang. 2002. *Makassar Abad XIX*, hlm. 30.

⁹Kedudukan Makassar yang strategik amat menyumbang kepada perkembangan perdagangannya. Lokasinya yang dekat dengan Kepulauan Ambon, Banda dan Maluku sangat memberi kelebihan kerana mereka adalah pengeluar rempah ratus utama di Alam Melayu. Selain itu, Makassar turut berdekatan dengan pulau-pulau pengeluar komoditi utama perdagangan seperti Banjarmasin di Borneo yang kaya dengan lada hitam, Bima dengan

pengeluaran berasnya sementara Pulau Timor pengeluar besar kahu gaharu. Andi Zainal Abidin dan Sudirman Sabang. 1999. *Sejarah Sulawesi Selatan*. Ujung Padang: Hasanuddin University Press, hlm. 186.

¹⁰Andi Zainal Abidin dan Sudirman Sabang. 1999. *Sejarah Sulawesi Selatan*, hlm. 191.

¹¹Terdapat juga catatan yang menyatakan serangan Gowa Makassar atas Bone berkaitan dengan perang saudara yang berlaku di Bone menyebabkan suatu pihak terpaksa meminta bantuan daripada Gowa Makassar. Hal ini dikatakan berkaitan dengan beberapa isu penolakan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam terutamanya isu perhambaan yang dalam usaha dihapuskan di Bone. Maklumat lanjut lihat, Andi Zainal Abidin dan Sudirman Sabang. 1999. *Sejarah Sulawesi Selatan*, hlm. 188.

¹² Andi Zainal Abidin. 1983. *Orang Bugis Makassar tentang Hukum, Negara dan Dunia Luar*. Bandung: Penerbit Alumni, hlm. 4.

¹³ Sebuah lagi ungkapan Bugis yang yang masyhur berkaitan dengan konsep ini adalah “*Narekko dekna sirimu inreng-inrengko ceddek sirik ri tau laingnge, nareeko dek namaelok pinrengiko engkamutu pessemu* (kalau engkau tidak mempunyai *siriq* lagi, maka engkau harus pergi meminjam sedikit *siriq* pada orang lain, dan kalau ia tak bersedia meminjamimu, masih ada *passemu*.” Andi Zainal Abidin. 1983. *Sejarah Sulawesi Selatan*, hlm. 181.

Dan sebuah lagi ungkapan, *iri’ji nanimmantang attalasa’ ri linoa, punna tenamo siri’nu matemako kaniakkangngami angga’na olo-oloka* (hanya kerana rasa malu kita boleh hidup di dunia ini jika rasa malu itu sudah hilang maka lebih baik mati kerana engkau tak bererti lagi sama sekali bahkan binatang lebih berharga dibanding dirimu).

¹⁴Hakikatnya, Perang Bungaya ini ini bukan sahaja memberi keburukan di pihak Gowa Makassar, tetapi juga kepada kestabilan politik Sulawesi Selatan seluruhnya. Secara tidak langsung, perjanjian ini telah membawa kepada peperangan yang berterusan dan kemasukan kuasa persenjataan Eropah (khususnya Belanda) dengan lebih meluas lagi ke Sulawesi Selatan. Belanda (VOC) terus mengorak langkah untuk campur tangan di dalam politik kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan sehinggalah Perjanjian Bungaya Baru ditandatangani pada tahun 1824.

¹⁵Pernyataan ini bersesuaian dengan pandangan yang dikemukakan oleh seorang sarjana Bugis di dalam karyanya berjudul “Sistem Nilai Islam dalam Budaya Bugis Makassar” dalam *Ruh Islam dalam Budaya Bangsa, Aneka Budaya Nusantara* yang menyatakan, “...*siriq is equivalent to Islamic motivation (niat) because siriq serves as a motivation factor in social action.*” Dipetik dari, Nadirsyah Hosen (ed). 2018. *Research Handbook on Islamic Law and Society*. Cheltenham: Edwar Elgar Publishing, hlm. 444.

¹⁶ Peristiwa ini juga disebut Beta Pasempe (Kekalahan di Pasempe) kerana perang antara Bone dengan Gowa Makassar ini berlangsung di Pasempe, sebuah kampung kecil dalam wilayah Bone.

¹⁷Muhlis Hadrawi. 2018, *Lontara Sakke’ Bone, Attoriolong ri Bone*, Makassar: Penerbit Innawa, hlm. 417.

¹⁸Leonard Y. Andaya. 2013. *Warisan Arung Palakka: Sejarah Sulawesi Selatan Abad ke-17*, Makassar: Innawa, hlm 22.

¹⁹Menurut Andi Zainal Abidin lagi, walaupun membesar di istana Gowa, kerana tebalnya perasaan *Siriq na Passe* itulah yang sentiasa mengingatkannya bawa beliau seorang putera bangsawan Bugis yang bertanggungjawab atas penderitaan rakyat yang menjadi tawanan Gowa Makassar itu. Andi Zainal Abidin. 1983. *Sejarah Sulawesi Selatan*, hlm. 191.

²⁰ Arung Palakka digambarkan telah diberi perlindungan oleh Sultani Buton, walaupun Raja Gowa Makassar pernah meminta untuk Arung Palakka dikembalikan. Terdapat sebuah pintu di benteng kraton di Buton yang diberi nama *Lawana Kampebuni* yang bermaksud, ‘pintu untuk bersembunyi’. Pintu ini dikatakan menuju ke gua kecil tempat Arung Palakka

berlindung. Lihat, Susanto Zuhdi. 2010. *Sejarah Buton yang Terabaikan, Labu Rope Labu Wana*. Jakarta: Rajawali Pers., hlm. 170.

²¹Pasukan tentera Wajo' yang membantu Sultan Hasanuddin ini dipimpin oleh Arung Matao.

RUJUKAN

- Abdur Razak Daeng Patunru. 1955. *Sejarah Bone*. Makassar: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan.
- Abdur Razak Daeng Patunru. 1993. *Sejarah Gowa*. Makassar: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan.
- Andaya, Leonard Y. 2013. *Warisan Arung Palakka: Sejarah Sulawesi Selatan Abad ke-17*. (Terjemahan). Makassar: Innawa.
- Andi Zainal Abidin. 1983. *Orang Bugis Makassar tentang Hukum, Negara dan Dunia Luar*. Bandung: Penerbit Alumni.
- Andi Zainal Abidin dan Sudirman Sabang. 1999. *Sejarah Sulawesi Selatan*. Ujung Padang: Hasanuddin University Press.
- Ding, Choo Ming. 2007. "Kearifan Lokal Dalam Naskah Nusantara Di Pinggir Abad ke 19." Simposium Internasional Pernaskahan Nusantara XI: Kearifan Lokal yang Terkandung dalam Naskah Nusantara di Bima, Nusa Tenggara Barat. 26-29 Julai.
- Hamid Abdullah. 1985. *Manusia Bugis Makassar: Suatu Tinjauan Historis terhadap pola Tingkah laku dan pandangan Hidup Manusia Bugis-Makassar*. Inti Dayu: Jakarta.
- Mattulada, Latoa. 1985. *Suatu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mattulada, Latoa. 2015. *Antropologi Politik Orang Bugis*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Nadirsyah Hosen (ed). 2018. *Research Handbook on Islamic Law and Society*. Cheltenham: Edwar Elgar Publishing.
- Moein Mg, A. 1994. *Sirik na Pacce dan Relevansinya dengan Budaya Bangsa*. Ujung Pandang: Yayasan Makassar Press.
- Muhlis Hadrawi. 2018. *Lontara Sakke' Bone, Attoriolong ri Bone*. Makassar: Penerbit Innawa.
- Pananrangi Hamid, and Tattiek Kartikasari. 1992. *Lontarak Tellumpocoe*. Makassar: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Pelras, Christian. 1996. *The Bugis*. Massachusetts, USA: Blackwell Publisher Inc.
- Poelinggomang, Edward L. 2002. *Makassar Abad XIX*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Pudentia MPSS. 2013. "Kearifan Lokal Sebagai Kekuatan Kultural Membentuk Peradaban". Makalah Seminar dan Rapat Tahunan (Semirata) Bidang Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya. Badan Kerja Sama PTN Wilayah Barat (BKS Barat). Puntianak, 10-11 September.
- Saransi. 2010. *Arung Palakka*, edited by Sitti Hasniati. Jakarta: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.
- Susanto Zuhdi. 2010. *Sejarah Buton yang Terabaikan, Labu Rope Labu Wana*. Jakarta: Rajawali Pers.

Published online: 31 October 2020